Sektor ekonomi utama menyumbang sejumlah RM43.56 bilion pada tahun 2019 kepada pendapatan negeri Melaka. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama, iaitu 48% diikuti dengan sektor pembuatan, iaitu 37%. Sumbangan lain datang dari sektor pertanian, pembinaan dan perlombongan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

12. Tafsir graf bar mudah di bawah dengan menjawab soalan-soalan yang berikutnya. **TP 4**

SP 1.1.5

KBAT Menganalisis



CETUS IDEA

(a) Nyatakan kegunaan graf di atas.

Graf di atas membandingkan jumlah unit lima jenama kereta penumpang yang berjaya dijual di Malaysia pada tahun 2016. Jenama tersebut ialah Proton, Honda, Toyota, Nissan dan Mazda.

(b) Senaraikan jumlah jualan kereta penumpang pada tahun 2016 daripada yang tertinggi kepada yang terendah.

Berdasarkan graf, Honda mencatatkan jualan tertinggi, iaitu sebanyak 92 000 unit dan diikuti oleh Proton sebanyak 72 000 unit. Toyota menduduki tempat ketiga dengan jualan sebanyak 45 000 unit dan Nissan di tempat keempat dengan 33 000 unit terjual. Mazda mencatat jualan terendah dengan hanya menjual sejumlah 12 000 unit pada tahun 2016.

(c) Berdasarkan jawapan dalam soalan **12**(b), berikan alasan pengguna untuk membeli jenama kereta yang mendapat jualan tertinggi.

Pengguna membeli kereta Honda kerana yakin dengan kualiti dan ketahanan enjin. Selain itu, reka bentuknya yang moden dan futuristik menarik minat generasi muda untuk membeli. Generasi muda merupakan kumpulan terbesar pembeli kereta penumpang di Malaysia. Honda juga aktif mempromosi kereta keluaran mereka di media massa dan media sosial.

(d) Rumusan

Sejumlah 254 000 buah kenderaan penumpang berjaya dijual oleh kelima-lima jenama di atas. Honda menguasai 36.2% pasaran manakala Mazda hanya menguasai 4.7%.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

AKTIVITI PAK-21 Pembentangan

Tajuk: Mengumpul maklumat, membina jadual dan graf

TP 5 TP 6

KBAT EKSTRA

Langkah-langkah:

1. Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan kecil.
2. Setiap kumpulan akan memilih salah satu tajuk di bawah:
   (a) Sukan kegemaran
   (b) Hobi pada masa lapang
   (c) Universiti pilihan
   (d) Cita-cita
3. Berdasarkan tajuk yang dipilih, kumpul maklumat yang berkaitan dalam kalangan murid-murid tingkatan 3 di sekolah anda.
4. Maklumat yang dikumpul perlu diringkaskan dalam bentuk jadual.
5. Bina graf yang sesuai berdasarkan jadual yang telah dihasilkan.
6. Setiap kumpulan akan mentafsir graf yang dibina serta dibentangkan di hadapan guru dan rakan sekelas.
7. Guru dan rakan sekelas akan menilai hasil kerja setiap kumpulan.
8. Tampalkan graf yang dilukis di bawah.

Tahap Penguasaan Bab 1 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Tandakan (✓) pada pernyataan yang **betul** tentang jadual.

(a) Terdiri daripada lajur dan baris yang mengandungi data. ✓

(b) Lebih tersusun, senang dibaca dan mudah difahami. ✓

(c) Terdiri daripada beberapa bar yang dilukis secara menegak. ☐

(d) Mempunyai tajuk dan sumber yang bersesuaian. ✓

2. Padankan kaedah pengumpulan maklumat dengan pernyataan yang **betul**.

Banci	Pengumpulan maklumat secara lisan melalui perjumpaan
Temu bual	Pengumpulan maklumat dengan merujuk kepada buku, majalah, laman web dan sebagainya
Soal selidik	Pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu jumlah yang dihitung
Rujukan kepustakaan	Pengumpulan maklumat dengan mengedarkan borang yang perlu diisi oleh orang ramai

3. Namakan jenis graf berdasarkan pernyataan yang diberi dengan menulis **A**, **B** atau **C** pada petak yang disediakan.

A	Graf gabungan
B	Graf bar mudah
C	Graf garisan mudah

(a) Graf yang menunjukkan perbezaan antara dua perkara yang saling berkaitan. A

(b) Graf yang menunjukkan terdapat perubahan jumlah atau nilai yang berterusan. C

(c) Graf yang digunakan untuk mempersembahkan data yang boleh dikira. B

(d) Graf yang menunjukkan dua maklumat berlainan dalam satu graf. A

(e) Graf yang sesuai untuk mempersembahkan maklumat min suhu bulanan. C

(f) Graf yang boleh dilukis secara menegak atau mendatar. B

4. Susunkan langkah-langkah mentafsir graf mengikut turutan yang **betul**.

Langkah-langkah	Turutan
(a) Perhatikan dan fahami tajuk	1
(b) Huraikan aliran perubahan data	4
(c) Huraikan isi tersirat berdasarkan data	5
(d) Perhatikan label paksi graf	2
(e) Kenal pasti nilai maksimum dan nilai minimum data	3
(f) Buat rumusan secara keseluruhan	6

KUIZ GAMIFIKASI

Bab 1

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

BAB 5 Hidupan Liar di Malaysia

5.1 Hidupan Liar di Malaysia

Buku Teks ms. 78 – 79

ePNOTA POWERPOINT

1. Namakan hidupan liar dalam foto di bawah serta habitatnya. TP 1

SP 2.3.1

(a) Nama: Helang merah
Habitat: Hutan dipterokarpa

(b) Nama: Harimau Malaya
Habitat: Hutan pamah, hutan paya gambut, hutan gunung

(c) Nama: Monyet Belanda
Habitat: Hutan dipterokarpa, hutan paya bakau

(d) Nama: Badak Sumatera
Habitat: Tanah rendah berbukit dan lembah



(e) Nama: Dugong
Habitat: Padang rumput laut

(f) Nama: Gajah *Pygmy*
Habitat: Tanah rendah dan lembah

(g) Nama: Orang utan
Habitat: Hutan tanah rendah, hutan tropika

(h) Nama: Beruang matahari
Habitat: Hutan tropika

(i) Nama: Penyu
Habitat: Pantai terbuka

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5.2 Kepentingan Hidupan Liar di Malaysia

Buku Teks ms. 80 – 83

2. Senaraikan kepentingan hidupan liar di Malaysia berdasarkan maklumat yang diberi. TP 2

SP 2.3.2

Kepentingan	Maklumat
(a) Keseimbangan ekosistem	• Komponen siratan makanan • Penguraian tinja sebagai nutrien kepada tanah
(b) Ekopelancongan	• Pelancongan berasaskan alam sekitar • Menggunakan haiwan sebagai daya tarikan
(c) Pendidikan	• Menubuhkan pusat pemuliharaan dan pembiakan • Menjalankan penyelidikan terhadap hidupan liar

CETUS IDEA

3. Lengkapkan rajah di bawah tentang kepentingan hidupan liar di Malaysia. TP 2

SP 2.3.2

(a) Keseimbangan ekosistem



Pengguna Tertier
Huraian: Karnivor yang memakan pengguna sekunder

Contoh
Harimau/helang/ular/buaya

Pengguna Sekunder
Huraian: Karnivor/Omnivor yang memakan pengguna primer

Contoh
Burung/katak

Pengguna Primer
Huraian: Omnivor/Herbivor yang memakan organisma lain

Contoh
Belalang/burung

Pengeluar
Huraian: Organisma yang menghasilkan makanan sendiri

Contoh
Tumbuh-tumbuhan

(b) Ekopelancongan

Kegiatan	Lokasi
(i) Merentas hutan	Taman Negara, Pahang
(ii) Menunggang gajah	Kuala Gandah, Pahang
(iii) Melihat orang utan	Sepilok, Sabah

INFO
Gajah *Pygmy*

(c) Pendidikan

(i) Kerjaya dalam bidang profesional	• Penyelidik • Veterinar
(ii) Melestarikan alam sekitar	• Program kitar semula • Inovasi menghasilkan teknologi mesra alam
(iii) Penyelidikan dan pembangunan	• Menubuhkan pusat pemuliharaan dan pembiakan spesies terancam • Menyediakan kemudahan pengajaran dan pembelajaran berkenaan hidupan liar

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5.3 Kegiatan Manusia yang Mengancam Hidupan Liar di Malaysia

Buku Teks ms. 84 – 85

NOTA

4. Hubung kaitkan aktiviti manusia yang diberi dengan contoh hidupan liar yang diancam kepupusan. **TP 3**

SP 2.3.3

Aktiviti manusia	Contoh hidupan liar yang terancam
(a) Penerokaan hutan untuk pembinaan lebuh raya dan jalan raya	Tapir
(b) Pembinaan resort di pinggir laut dan pembuangan sampah ke dalam laut	Penyu
(c) Pemburuan haram untuk mendapatkan kulit, tulang dan kuku	Harimau
(d) Penggunaan pukat tunda dalam kegiatan perikanan	Dugong
(e) Penggunaan baja kimia dan racun serangga dalam sektor pertanian	Hidupan air
(f) Penerokaan hutan untuk mendapatkan kayu balak dan hutan paya bakau	Monyet

5. Huraikan kegiatan manusia yang mengancam hidupan liar di Malaysia. **TP 4**

SP 2.3.3

(a) Pembalakan
- Kemusnahan habitat hidupan liar
- Peningkatan suhu bumi akibat pertambahan kandungan karbon dioksida di atmosfera
- Hidupan liar diancam kepupusan

(b) Pengkuarian
- Bunyi letupan bongkah batu menganggu ketenteraman hidupan liar
- Kemusnahan habitat hidupan liar
- Hidupan liar terpaksa mencari habitat baharu
- Pencemaran udara akibat habuk dan sebu kering di udara

(c) Pembinaan empangan
- Kemusnahan habitat hidupan liar
- Kawasan hutan yang luas ditenggelami air
- Menjejaskan rantaian makanan dan keseimbangan ekosistem

(d) Pertanian
- Kawasan hutan digantikan dengan tanaman getah dan kelapa sawit
- Rantai makanan dalam ekosistem terganggu
- Hidupan air terjejas apabila racun serangga dan bahan kimia mengalir ke sungai

(e) Pengangkutan dan perhubungan
- Penebangan hutan yang luas
- Mengganggu habitat hidupan liar
- Hidupan liar mencari habitat baharu
- Hidupan liar mati dilanggar kenderaan semasa melintas jalan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

5.4 Usaha Pemeliharaan dan Pemuliharaan Hidupan Liar di Malaysia

Buku Teks ms. 86 – 93

6. Secara berpasangan, senaraikan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia.

SP 2.3.4 TP 5

(a) Usaha-usaha pemeliharaan hidupan liar

(i) Penguatkuasaan undang-undang

(ii) Mewartakan taman negara

(iii) Mewartakan hutan simpan

(iv) Pendidikan alam sekitar

(v) Kempen kesedaran

(b) Usaha-usaha pemuliharaan hidupan liar

(i) Pusat konservasi

(ii) Penyelidikan dan pembangunan

(iii) Penilaian impak alam sekitar

TUTORIAL
Pendidikan Alam Sekitar

INFO
10 Haiwan Terancam di Malaysia

7. Bagaimanakah penubuhan konservasi dan taman negara seperti di bawah dapat memelihara dan memulihara hidupan liar di Malaysia?

SP 2.3.4 TP 5

KBAT Menganalisis

MAHIR UASA

Pusat konservasi	Taman Negara
• Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah • Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok • Pusat Konservasi Tuntung Bukit Pinang	• Taman Negara Endau-Rompin • Taman Negara Semilajau • Taman Negara Niah • Taman Negara Kinabalu

(a) Kegiatan pemburuan haiwan adalah dilarang di kawasan taman negara dan pusat konservasi

(b) Taman negara membolehkan hidupan liar hidup dalam habitat semula jadi

(c) Mengelakkan pemerdagangan hidupan liar secara haram

AKTIVITI PAK-21 Persembahan

Tajuk: Kempen kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia TP 6

KBAT EKSTRA

Langkah-langkah:

1. Bahagikan kelas kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki merancang satu kempen kesedaran bagi memberikan kesedaran kepada warga sekolah untuk memelihara dan memulihara hidupan liar di Malaysia.
3. Murid-murid bekerja dalam kumpulan untuk merancang kempen kesedaran tersebut.
4. Setiap kumpulan diberi masa satu minggu untuk menyediakan rancangan kempen kesedaran mereka.
5. Persembahkan idea setiap kumpulan di hadapan kelas.
6. Guru akan membuat penilaian dan memberi maklum balas.

Tahap Penguasaan Bab 5 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

1. Tandakan (✓) pada hidupan liar di Malaysia dan (✗) pada bukan hidupan liar di Malaysia.

(a) Beruang matahari	✓	(f) Tapir	✓
(b) Musang merah	✗	(g) Penyu	✓
(c) Orang utan	✓	(h) *Chipmunk*	✗
(d) Gajah *Pygmy*	✓	(i) Tikus *jerboa*	✗
(e) Koala	✗	(j) Monyet Belanda	✓

2. Namakan **tiga** contoh hidupan liar di Malaysia mengikut kategori cara pemakanan.

Herbivor	Karnivor	Omnivor
• Tapir	• Harimau Malaya	• Orang utan
• Dugong	• Helang merah	• Monyet Belanda
• Gajah *Pygmy*	• Ular sawa	• Penyu

3. Nyatakan kepentingan hidupan liar di Malaysia.

(a) Keseimbangan ekosistem

(b) Ekopelancongan

(c) Pendidikan

4. Nyatakan kegiatan manusia yang mengancam hidupan liar di Malaysia berdasarkan pernyataan yang diberi.

Kesan	Kegiatan manusia
(a) Hidupan liar mati akibat dilanggar oleh kenderaan semasa melintas jalan.	Pengangkutan dan perhubungan
(b) Letupan bongkah batu dan serpihan batu membahayakan keselamatan hidupan liar.	Pengkuarian
(c) Kawasan hutan digantikan dengan ladang getah dan kelapa sawit.	Pertanian
(d) Penebangan pokok memusnahkan habitat hidupan liar dan meningkatkan kandungan karbon dioksida di atmosfera.	Pembalakan
(e) Kawasan hutan dibuka dan ditenggelami air serta menjejaskan keseimbangan ekosistem.	Pembinaan empangan

5. Lengkapkan nama pusat konservasi hidupan liar yang berikut.

(a) Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Sabah

(b) Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang

(c) Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor

(d) Pusat Konservasi Tuntung Bukit Pinang, Kedah

(e) Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Rantau Abang, Terengganu

KUIZ GAMIFIKASI

Bab 5

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

MODUL UASA

UJIAN	SKOP	HALAMAN
UJIAN 1	Bab 1 – Bab 2	76 – 81
UJIAN 2	Bab 3 – Bab 5	82 – 88
UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)	Bab 1 – Bab 5	89 – 97
UJIAN 3	Bab 6 – Bab 7	98 – 103
UJIAN 4	Bab 8 – Bab 9	104 – 109
UJIAN 5	Bab 10 – Bab 11	110 – 115
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)	Bab 1 – Bab 11	116 – 124

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UJIAN 1

Skor /80

BAHAGIAN B

1. Maklumat berikut tentang statistik jenayah siber di Malaysia.

> Statistik jenayah siber di Malaysia bagi lima bulan pertama pada tahun 2020 adalah seperti berikut. Pada bulan Januari, jumlah kes yang direkodkan ialah 1 070 kes, menurun kepada 940 kes pada bulan Februari dan meningkat kepada 1 090 kes pada bulan Mac. Jumlah kes bagi bulan April dan Mei ialah 1 400 dan 1 050 masing-masing.

(Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

(a) Bina sebuah jadual yang lengkap berdasarkan maklumat tersebut.

BAB 1 Buku Teks ms. 9

Statistik Jenayah Siber di Malaysia bagi Lima Bulan Pertama, 2020

Bulan	Januari	Februari	Mac	April	Mei
Jumlah (kes)	1 070	940	1 090	1 400	1 050

(Sumber: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

Aras R Menganalisis [6 *markah*]

(b) Berdasarkan jadual yang dibina, lukis sebuah graf garisan mudah yang menunjukkan statistik jenayah siber di Malaysia bagi lima bulan pertama tahun 2020.

BAB 1 Buku Teks ms. 11

Skala bagi graf anda ialah 1 cm mewakili 200 kes.

Aras S Mengaplikasi [8 *markah*]

(c) Merujuk kepada graf garisan mudah yang anda lukis, tafsirkan tentang statistik jenayah siber di Malaysia bagi lima bulan pertama pada tahun 2020.

BAB 1 Buku Teks ms. 15

Terdapat sebanyak 5 550 kes jenayah siber berlaku dari Januari hingga Mei pada tahun 2020 di Malaysia. Kes tertinggi adalah pada bulan April, iaitu sebanyak 1 400 kes. Kes terendah dilaporkan pada bulan Februari, iaitu 940 kes, menurun sebanyak 130 kes berbanding dengan bulan Januari yang melaporkan 1 070 kes. Jumlah kes bagi bulan Mac dan Mei ialah 1 090 dan 1 050 masing-masing.

(Terima tafsiran murid yang sesuai)

Aras S Menganalisis [6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



2. Maklumat berikut tentang jumlah perbelanjaan pelancongan domestik di Malaysia.

> Jumlah perbelanjaan pelancongan domestik di Malaysia pada tahun 2018 ialah RM93 bilion, meningkat kepada RM103 bilion pada tahun 2019 dan menurun secara mendadak pada tahun 2020 kepada RM40 bilion. Pada tahun 2021, jumlah perbelanjaan pelancongan domestik menurun lagi kepada RM18 bilion, tetapi meningkat kepada RM64 bilion pada tahun 2022.

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)

(a) Bina sebuah jadual yang lengkap berdasarkan maklumat tersebut.

BAB 1 Buku Teks ms. 9

Jumlah Perbelanjaan Pelancongan Domestik di Malaysia, 2018 – 2022

Tahun	Jumlah perbelanjaan (RM bilion)
2018	93
2019	103
2020	40
2021	18
2022	64

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)

Aras R Menganalisis [6 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*

(b) Berdasarkan jadual yang dibina, lukis sebuah graf bar mudah yang menunjukkan jumlah perbelanjaan pelancongan domestik di Malaysia antara tahun 2018 hingga 2022.

BAB 1 Buku Teks ms. 10

Skala bagi graf anda ialah 1 cm mewakili RM10 bilion.

Aras S Mengaplikasi [8 *markah*]

(c) Merujuk kepada graf bar mudah yang anda lukis, tafsirkan tentang jumlah perbelanjaan pelancongan domestik di Malaysia antara tahun 2018 hingga 2022.

BAB 1 Buku Teks ms. 15

Jumlah perbelanjaan pelancongan domestik di Malaysia yang tertinggi dicatatkan pada tahun 2019, iaitu sebanyak RM103 bilion. Manakala perbelanjaan pelancongan domestik yang terendah dicatatkan pada tahun 2021, iaitu sebanyak RM18 bilion sahaja. Hal ini kerana penularan wabak COVID-19 di Malaysia dan kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan. Perbelanjaan pelacongan domestik juga rendah pada tahun 2020, iaitu sebanyak RM40 bilion kerana negara mula dilanda COVID-19. Jumlah perbelanjaan pelancongan domestik di Malaysia mula menunjukkan peningkatan pada tahun 2022, iaitu sebanyak RM64 bilion kerana kawalan pergerakan telah dilonggarkan dan ramai telah mula keluar melancong.

(Terima tafsiran murid yang sesuai)

Aras S Menganalisis [6 *markah*]



3. Jadual 1 menunjukkan statistik kemalangan jalan raya di lima buah negeri di Malaysia pada tahun 2018.

Negeri	Kuala Lumpur	Selangor	Pulau Pinang	Sabah	Sarawak
Jumlah (kes)	68 866	151 253	42 244	17 298	20 065

(Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan)

Jadual 1

(a) Teliti maklumat dalam Jadual 1 dan bina sebuah jadual peratus dan sudut sektor yang menunjukkan statistik kemalangan jalan raya di lima negeri di Malaysia pada tahun 2018.

BAB 2 Buku Teks ms. 23

Statistik Kemalangan Jalan Raya di Lima Buah Negeri di Malaysia, 2018

Negeri	**Jumlah kes**	**Peratus (%)**	**Sudut sektor (°)**
Kuala Lumpur	68 866	23	82
Selangor	151 253	50	182
Pulau Pinang	42 244	14	51
Sabah	17 298	6	21
Sarawak	20 065	7	24
Jumlah	**299 726**	**100**	**360**

(Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan)

Aras R Menganalisis [6 *markah*]

(b) Merujuk kepada jadual yang dikembangkan, bina carta pai yang menunjukkan statistik kemalangan jalan raya di lima negeri di Malaysia pada tahun 2018.

BAB 2 Buku Teks ms. 23–24

Gunakan jejari 5 cm untuk melukis carta pai.

Aras S Mengaplikasi [8 *markah*]

(c) Berdasarkan carta pai yang anda lukis, apakah yang dapat ditafsirkan tentang statistik kemalangan jalan raya di lima negeri di Malaysia pada tahun 2018?

BAB 2 Buku Teks ms. 26

Jumlah kemalangan di lima negeri terbabit ialah 299 726 kes. Selangor mencatat kes tertinggi, iaitu 50.5% daripada jumlah keseluruhan. Kes terendah adalah di Sabah, iaitu 5.8%. Kuala Lumpur mencatatkan 22.9% daripada jumlah kes, manakala Pulau Pinang mencatat 14.1% daripada jumlah keseluruhan. 6.7% kes kemalngan jalan raya dicatatkan di Sarawak. Kebanyakan kemalangan berlaku kerana sikap pemandu. Pemanduan kenderaan melebihi had laju atau memandu dalam keadaan mabuk atau sambil menggunakan telefon bimbit boleh menyebabkan kemalangan. Keadaan jalan raya yang tidak selamat serta keadaan kenderaan yang tidak diselanggara juga menyebabkan kadar kemalangan yang tinggi.

(Terima tafsiran murid yang sesuai)

Aras S Menganalisis [6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



4. Maklumat berikut tentang eksport Malaysia.

> Jumlah eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN pada suku pertama tahun 2022 ialah RM37.85 bilion. Peratus eksport ke Singapura merupakan yang tertinggi, iaitu 53% manakala eksport terendah adalah ke Filipina, iaitu 7%. Peratus eksport ke Thailand ialah 15%, ke Vietnam ialah 14% manakala ke Indonesia ialah 11% daripada jumlah keseluruhan nilai eksport.

(Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri)

(a) Berdasarkan maklumat tersebut, bina jadual yang lengkap tentang peratus eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN pada suku pertama 2022.

BAB 2 Buku Teks ms. 23

Peratus Eksport Malaysia ke Negara-negara ASEAN Pada Suku Pertama 2022

Negara	Peratus eksport (%)
Singapura	53
Thailand	15
Vietnam	14
Indonesia	11
Filipina	7
Jumlah	**100**

(Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri)

Aras R Menganalisis [6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Merujuk kepada jadual yang dibina, bina carta pai tentang peratus eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN pada suku pertama 2022.

BAB 2 Buku Teks ms. 23–24

Gunakan jejari 5 cm untuk melukis carta pai. Aras S Mengaplikasi [8 *markah*]

(c) Berdasarkan carta pai yang anda lukis, apakah yang dapat ditafsirkan tentang peratus eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN pada suku pertama 2022?

BAB 2 Buku Teks ms. 26

Nilai keseluruhan eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN ialah RM37.85 bilion. Nilai eksport ke Singapura merupakan yang tertinggi, iaitu 53%. Nilai eksport ke Filipina terendah, iaitu 7% daripada jumlah keseluruhan. Nilai eksport ke Thailand ialah 15%, ke Vietnam ialah 14% manakala ke Indonesia ialah 11% daripada jumlah keseluruhan nilai eksport. Nilai eksport Malaysia ke Singapura adalah tertinggi kerana negara tersebut memerlukan pelbagai produk untuk memenuhi permintaan penduduk dan industri. Singapura kekurangan sumber asli/bahan mentah.

(Terima tafsiran murid yang sesuai)

Aras S Menganalisis [6 *markah*]



© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Pertengahan Sesi Akademik

Skor /80

Bahagian A
[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Iklim yang manakah paling sesuai untuk pertumbuhan pokok *dahurian larch*?
(A) Iklim Siberia
B Iklim Laurentia
C Iklim Gurun Panas
D Iklim Monsun Tropika

2. Maklumat berikut menunjukkan hidupan liar di suatu kawasan.

- *Chipmunk*
- *Canadian goose*

Hidupan liar tersebut terdapat di kawasan beriklim
A Siberia
(B) Laurentia
C Gurun Panas
D Monsun Tropika

3. Pilih kombinasi yang betul tentang habitat hidupan liar.

	Habitat	Hidupan liar
(A)	Pantai berpasir	Penyu
B	Hutan gunung	Tapir
C	Padang rumput	Harimau Malaya
D	Hutan dipterokarpa	Gajah *Pygmy*

4. Pernyataan yang manakah menerangkan tentang akar ceracak?
I Masuk ke dalam lumpur
II Berfungsi untuk pernafasan
III Kekurangan oksigen kerana ditenggelami air masin
IV Menyerap udara ketika air pasang
A I dan II
B I dan IV
(C) II dan III
D III dan IV

5. Apakah jenis tumbuh-tumbuhan semula jadi yang terdapat di kawasan Tasik Chini?
A Hutan Pantai
B Hutan Hujan Tropika
C Hutan Paya Air Masin
(D) Hutan Paya Air Tawar

6. Maklumat berikut merujuk kepada sejenis tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.

- Berdaun lebar
- Berakar banir

Apakah tumbuh-tumbuhan semula jadi yang mempunyai ciri-ciri tersebut?
A Hutan Pantai
(B) Hutan Hujan Tropika
C Hutan Paya Air Tawar
D Hutan Paya Air Masin

7. Mengapakah tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia tumbuh subur dan malar hijau?
I Min suhu tahunan tinggi, 27°C
II Hujan tahunan kira-kira 2 600 mm
III Satu musim lembap yang nyata
IV Kelembapan udara yang rendah
(A) I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

8. Antara yang berikut, yang manakah lokasi Hutan Paya Air Tawar yang terdapat di Malaysia?
I Tasik Bera III Teluk Lahad Datu
II Delta Rajang IV Pulau Phi Phi
(A) I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

9. Peta 1 menunjukkan taburan taman negara di Malaysia.



Peta 1 MALAYSIA

Namakan taman negara yang terdapat di **P**.
(A) Taman Negara Bako
B Taman Negara Pulau Penyu
C Taman Negara Gunung Mulu
D Taman Negara Endau-Rompin

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

10. Pernyataan berikut berkaitan dengan salah satu pusat konservasi hidupan liar di Malaysia.

> Memulihkan orang utan yang menjadi haiwan peliharaan dan mengembalikannya kepada habitat semula jadi apabila masanya sesuai.

Pernyataan tersebut merujuk kepada
A Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungkai
B Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok
C Pusat Konservasi Lembangan Maliau
D Tempat Perlindungan Hidupan Liar Kinabatangan

11. Maklumat berikut menunjukkan kawasan Gurun Panas.

> • Gurun Sahara
> • Gurun Atacama

Apakah jenis tanih yang mempengaruhi tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut?
A Tanih podzol
B Tanih latosol
C Tanih aridisols
D Tanih chernozem

12. Tanih latosol mempengaruhi pertumbuhan
I Hutan Tundra
II Hutan Konifer
III Hutan Hujan Tropika
IV Hutan Monsun Tropika
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

13. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis tumbuh-tumbuhan semula jadi.

> • 1 800 m – 2 900 m
> • Pokok pain, sprus dan gelam gunung

Apakah tumbuh-tumbuhan semula jadi tersebut?
A Tumbuhan alpain
B Tumbuhan hampir alpain
C Hutan montane bawah
D Hutan montane atas

14. Apakah ciri utama tumbuh-tumbuhan di Hutan Hujan Tropika?
I Malar hijau
II Empat lapisan utama
III Daun pokok berduri
IV Akar pneumatofor
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

15. Apakah ciri tumbuh-tumbuhan yang terdapat di lapisan renjong Hutan Hujan Tropika?
A Lapisan pelindung cahaya matahari
B Ketinggian pokok antara 10 hingga 20 meter
C Diliputi oleh daun kering dan dahan reput
D Batang lurus dan tinggi untuk mendapatkan cahaya matahari

16. Bagaimanakah pertanian boleh mengancam hidupan liar?
A Berlaku banjir
B Kurang proses sejat peluh
C Pencemaran tanih berlaku
D Kawasan hutan diteroka dan digantikan dengan tanaman

17. Apakah hidupan liar yang dikaitkan dengan pusat konservasi yang terdapat di Kuala Gandah?
A Tapir
B Gajah
C Tenggiling
D Badak Sumatera

18. Kombinasi yang manakah betul tentang sumber bahan mentah?

	Sumber	Industri
A	Petroleum	Petrokimia
B	Pasir	Pembuatan perabot
C	Kayu balak	Perubatan
D	Hasil hutan	Pembuatan tembikar

19. Pilih pernyataan yang betul tentang kepentingan sumber semula jadi.
A Memajukan industri berat
B Menjana pendapatan negara
C Menjejaskan kualiti alam sekitar
D Meningkatkan kepadatan penduduk

20. Apakah bandar yang membangun kesan penerokaan sumber kayu balak?
A Miri
B Raub
C Kerteh
D Sandakan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

UJIAN 3

Skor /77

BAHAGIAN A

1. Maklumat berikut merupakan sumber semula jadi di Malaysia.

BAB 6 Buku Teks ms. 100

- Suria
- Air

Mengapakah sumber tersebut disebut sebagai sumber boleh baharu?

A Tidak akan habis
B Sumber yang bersih
C Digunakan secara terancang
D Tidak mengalami pencemaran

Aras S Memahami

2. Antara yang berikut, yang manakah sumber mineral bukan logam?

BAB 6 Buku Teks ms. 103

I Batu granit
II Bauksit
III Kuprum
IV Arang batu

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras R Mengingat

3. Foto 1 menunjukkan sejenis tenaga alternatif di Malaysia.

BAB 6 Buku Teks ms. 101

Foto 1

Mengapakah sumber tersebut dikategorikan sebagai sumber alternatif?

A Mesra alam
B Kos yang rendah
C Menghasilkan tenaga elektrik
D Penghasilan tenaga yang tinggi

Aras S Memahami

4. Peta 1 menunjukkan taburan sejenis sumber semula jadi.

BAB 6 Buku Teks ms. 104



Peta 1 MALAYSIA

Pernyataan yang manakah berkaitan dengan sumber di lokasi tersebut?

A Bahan mentah industri
B Bahan bakar kenderaan
C Sumber tenaga alternatif
D Sumber tidak boleh baharu

Aras S Memahami

5. Maklumat berikut merupakan lokasi sejenis sumber semula jadi di Malaysia.

BAB 6 Buku Teks ms. 106

- Sekitar Tasik Chini dan Tasik Bera
- Sabak Bernam dan Tanjung Karang

Lokasi tersebut merujuk kepada sumber

A air
B hutan
C mineral
D tenaga alternatif

Aras R Mengingat

6. Di manakah terdapatnya sumber semula jadi yang digunakan untuk industri petrokimia?

BAB 6 Buku Teks ms. 108

A Rusila
B Merit-Pila
C Silimpopom
D Luar pesisir pantai Sabah

Aras R Mengingat

7. Foto 2 menunjukkan penerokaan sejenis sumber mineral.

BAB 6 Buku Teks ms. 111

Foto 2

Bagaimanakah sumber tersebut dapat meningkatkan pendapatan negara?

A Bahan eksport utama
B Pembangunan infrastruktur
C Pembukaan kawasan baharu
D Bahan mentah industri piuter

Aras S Menilai

8. Maklumat berikut menunjukkan bandar perlombongan di Malaysia.

BAB 6 Buku Teks ms. 111

- Kerteh
- Miri

Sumber yang manakah menggalakkan pembukaan bandar-bandar tersebut?

A Hutan
B Petroleum
C Arang batu
D Bijih timah

Aras S Menilai

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. Foto 3 menunjukkan sejenis kegiatan ekonomi.

BAB 7 Buku Teks ms. 121

Foto 3

Pernyataan yang manakah berkaitan dengan Foto 3?

I Sektor tertier
II Sektor sekunder
III Berasaskan sumber
IV Bukan berasaskan sumber

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Mengingat

10. Peta 2 menunjukkan kawasan kegiatan ekonomi utama.

BAB 7 Buku Teks ms. 118, 122



Peta 2 MALAYSIA

- Penanaman sayur-sayuran
- Pelancongan hawa sederhana

Maklumat tersebut berkaitan dengan kawasan yang bertanda

A I
B II
C III
D IV

Aras R Mengingat

11. Foto 4 menunjukkan kegiatan ekonomi di Malaysia.

BAB 7 Buku Teks ms. 124

Foto 4

Apakah faktor fizikal yang mempengaruhi kegiatan ekonomi tersebut?

A Tanih
B Buruh
C Modal
D Infrastruktur

Aras R Mengingat

12. Apakah faktor fizikal yang mempengaruhi kegiatan pelancongan di Kundasang, Sabah?

BAB 7 Buku Teks ms. 128

I Suhu 18°C
II Tanah tinggi
III Kuasa beli pengguna
IV Jaringan pengangkutan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras R Memahami

13. Apakah faktor yang menggalakkan kegiatan ekonomi sekunder di Malaysia?

BAB 7 Buku Teks ms. 125, 128

I Sistem saliran yang baik
II Iklim yang panas dan lembap
III Bekalan bahan mentah yang berterusan
IV Permintaan bagi barangan siap meningkat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras S Menganalisis

14. Maklumat berikut menunjukkan industri berasaskan sumber.

BAB 7 Buku Teks ms. 125

- Industri minyak masak
- Industri sabun

Apakah bahan mentah utama bagi kegiatan ekonomi tersebut?

A Getah
B Kaolin
C Petroleum
D Kelapa sawit

Aras S Mengingat

15. Bagaimanakah kegiatan ekonomi dapat meningkatkan taraf hidup rakyat?

BAB 7 Buku Teks ms. 129

I Peningkatan pasaran
II Perolehan pendapatan
III Peningkatan kuasa beli
IV Kemasukan buruh asing

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Aras T Menilai

16. Bagaimanakah pemindahan teknologi berlaku di Malaysia?

BAB 7 Buku Teks ms. 129

A Pertambahan modal
B Peningkatan eksport
C Kemasukan buruh asing
D Penyelidikan dan pembangunan

Aras T Menilai

17. Bagaimanakah kegiatan ekonomi dapat mengurangkan kadar import?

BAB 7 Buku Teks ms. 130

A Meluaskan eksport
B Meningkatkan kuasa beli rakyat
C Meningkatkan produk tempatan
D Memajukan teknologi pengeluaran

Aras T Menilai

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

BAHAGIAN B

Peta 1 menunjukkan taburan sumber mineral di Malaysia.

Peta 1 MALAYSIA

1. (a) Namakan sumber mineral yang terdapat di kawasan bertanda dalam peta tersebut.

BAB 6 Buku Teks ms. 108–109

X : Gas asli

Y : Petroleum

Z : Arang batu

Aras R Mengingat [3 *markah*]

(b) Penemuan sumber **X** telah membuka beberapa bandar baharu. Namakan bandar-bandar tersebut.

BAB 6 Buku Teks ms. 111

Kerteh

Miri

Aras R Mengingat [2 *markah*]

(c) Jelaskan kepentingan sumber mineral terhadap ekonomi Malaysia.

BAB 6 Buku Teks ms. 110–111

Memajukan industri hiliran kerana menjadi bahan mentah industri petrokimia

Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dalam bidang kejuruteraan petroleum dan gas asli

Penjanaan pendapatan negara melalui eksport petroleum dan gas asli

Aras S Menganalisis [3 *markah*]

(d) Tafsirkan kesan jika sumber mineral seperti petroleum dan arang batu habis diteroka.

Tidak ada bahan mentah untuk kegiatan perindustrian

Aktiviti pengangkutan terganggu dan menjejaskan kehidupan manusia

Aras T Menilai [2 *markah*]

2. (a) Senaraikan sumber semula jadi boleh baharu di Malaysia.

BAB 6 Buku Teks ms. 100

Hutan

Suria

Tanih

Air

Aras R Mengingat [3 *markah*]

(b) Nyatakan ciri-ciri sumber boleh baharu.

BAB 6 Buku Teks ms. 100

Dapat digunakan secara berterusan

Boleh diperbaharui melalui beberapa kaedah

Aras R Memahami [2 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Terangkan kepentingan sumber boleh baharu kepada manusia dan alam sekitar.

Sumber hutan sebagai bahan mentah dalam industri pembuatan perabot

Sumber air digunakan sumber pengairan kawasan pertanian

Sumber hutan menjadi habitat pelbagai jenis flora dan fauna

Aras T Menganalisis [3 *markah*]

(d) Apakah kesan negatif penerokaan sumber boleh baharu yang berlebihan?

Hidupan liar kehilangan habitat dan sumber makanan akibat penerokaan sumber hutan

Kehilangan sumber hutan berharga akibat penerokaan hutan untuk pembinaan empangan

Aras T Menilai [2 *markah*]

Foto 1 menunjukkan sejenis kegiatan ekonomi di Malaysia.

Foto 1

3. (a) Apakah jenis kegiatan ekonomi tersebut?

BAB 7 Buku Teks ms. 116

Ekonomi primer

Aras R Mengingat [1 *markah*]

(b) Nyatakan faktor fizikal yang menggalakkan kemajuan kegiatan ekonomi dalam Foto 1.

BAB 7 Buku Teks ms. 124–125

Bentuk muka bumi tanah pamah / beralun

Tanih laterit

Purata suhu tahunan 27°C

Aras S Menilai [3 *markah*]

(c) Jelaskan peranan teknologi yang memajukan kegiatan ekonomi dalam Foto 1.

BAB 7 Buku Teks ms. 127

Mesin untuk menuai dan mengangkut buah tandan segar

Inovasi teknologi untuk kawalan penyakit dan kawalan serangga perosak

Teknologi pembiakan baka dapat menghasilkan baka-baka baharu yang lebih berkualiti

Aras S Menganalisis [3 *markah*]

(d) Bincangkan kepentingan kegiatan ekonomi tersebut kepada rakyat tempatan.

BAB 7 Buku Teks ms. 129

Kegiatan ekonomi di atas membuka peluang pekerjaan kepada penduduk

Taraf hidup meningkat disebabkan perolehan pendapatan

Pembangunan infrastruktur moden seperti jalan raya berturap

Aras T Menilai [3 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

BAHAGIAN C

1. (a) Perihalkan tentang sumber mineral yang terdapat di Malaysia.

BAB 6 Buku Teks ms. 102–103

Sumber mineral merupakan sumber yang tidak boleh baharu kerana akan habis jika digunakan secara berterusan. Sumber mineral diperoleh dengan menggali permukaan dan kerak bumi. Terdapat sumber mineral yang digali di dasar laut. Sumber ini terdiri daripada sumber mineral logam dan sumber mineral bukan logam. Sumber mineral logam ialah bijih besi, emas, kuprum dan bauksit. Sumber mineral bukan logam adalah seperti petroleum dan gas asli, arang batu, pasir dan batu granit.

Aras S Memahami [4 *markah*]

(b) Huraikan kepentingan sumber mineral yang terdapat di Malaysia.

BAB 6 Buku Teks ms. 110–111

Sumber mineral menyediakan bahan mentah dan bahan asas kepada industri hiliran. Contohnya, petroleum dan gas asli menjadi bahan mentah untuk industri petrokimia, manakala batu granit penting sebagai bahan bagi membina bangunan. Selain itu, sumber mineral menjana pendapatan kepada negara. Petroleum dan gas asli menjadi komoditi eksport yang meningkatkan pendapatan negara. Contohnya, petroleum Malaysia dieksport ke China dan Thailand. Penemuan petroleum dan gas asli telah membangunkan bandar-bandar baharu seperti Kerteh, Miri dan Bintulu. Bandar-bandar ini lengkap dengan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik, pelabuhan dan lapangan terbang.

Aras T Menganalisis [6 *markah*]

2. (a) Huraikan peranan kemajuan pengangkutan dan perhubungan dalam meningkatkan kegiatan ekonomi di Malaysia.

BAB 7 Buku Teks ms. 126

Kemajuan sistem pengangkutan memudahkan bahan mentah untuk diangkut dari kawasan sumber ke kilang. Sebagai contoh landasan kereta api dan jalan raya diperlukan untuk mempercepatkan buah kelapa sawit dihantar ke kilang. Sistem pengangkutan yang efisien juga membolehkan hasil dihantar ke pasaran atau pelabuhan. Kecekapan pelabuhan di Malaysia pula dapat meningkatkan eksport. Pelabuhan Klang, Pulau Pinang, Kuching dan Kota Kinabalu berfungsi menjalankan import dan eksport. Selain itu, Pelabuhan Klang dan Pulau Pinang turut menerima pelancong antarabangsa yang datang dengan kapal laut. Kemajuan lapangan terbang pula dapat membawa masuk jumlah pelancong yang tinggi ke Malaysia. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching menjadi pintu masuk utama pelancong asing. Lapangan terbang juga meningkatkan eksport apabila turut menawarkan perkhidmatan kargo.

Aras T Menilai [6 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Perihalkan kepentingan kepelbagaian kegiatan ekonomi dalam meningkatkan ekonomi Malaysia.

BAB 7 Buku Teks ms. 129

Kepelbagaian kegiatan ekonomi dapat meningkatkan pendapatan negara dengan perolehan cukai sama ada daripada pendapatan rakyat yang semakin meningkat atau cukai terhadap syarikat-syarikat yang beroperasi di Malaysia. Peningkatan eksport juga menyebabkan pengaliran wang masuk ke dalam negara yang turut meningkatkan pendapatan kerajaan. Hal yang sama juga berlaku apabila berlaku peningkatan pelancong asing yang turut berbelanja di dalam negara Malaysia. Kepelbagaian ekonomi juga akan mengurangkan kebergantungan kepada barangan import. Hal ini akan mengurangkan aliran wang keluar ke negara lain.

Aras T Menilai [4 *markah*]

3. (a) Bagaimanakah faktor-faktor fizikal mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia?

BAB 7 Buku Teks ms. 124–125

Bentuk muka seperti tanah tinggi, tanah beralun, tanah pamah dan pinggir laut mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia. Kawasan tanah pamah sesuai untuk kegiatan pertanian seperti penanaman padi manakala kawasan beralun sesuai untuk penanaman getah dan kelapa sawit. Kawasan tanah pamah juga sesuai untuk pembinaan jaringan pengangkutan seperti jalan raya, jalan kereta api dan lapangan terbang kerana bentuk muka buminya yang rendah dan rata. Kawasan tanah tinggi yang mengalami suhu yang sederhana, iaitu 18°C menjadi tarikan pelancong kerana mempunyai suhu yang nyaman. Kawasan tanah tinggi juga sesuai untuk penanaman tanaman hawa sederhana seperti teh, sayur-sayuran dan bunga-bungaan. Pelbagai jenis tanih juga mempengaruhi kegiatan ekonomi di Malaysia. Contohnya, tanih aluvium sesuai untuk penanaman padi, manakala tanih gambut sesuai untuk tanaman nanas. Kawasan pinggir laut yang mempunyai pantai berpasir yang indah sesuai untuk kegiatan pelancongan. Kawasan pinggir laut yang berteluk dan terlindung pula sesuai dijadikan pelabuhan.

Aras S Menganalisis [6 *markah*]

(b) Bagaimanakah Malaysia dapat mengurangkan pergantungan terhadap buruh asing dalam pelbagai sektor ekonomi?

Malaysia perlu mengambil beberapa langkah yang berkesan untuk mengurangkan pergantungan terhadap buruh asing. Pertamanya ialah memperbanyakkan pusat latihan kemahiran. Pusat-pusat ini dapat melatih dan mengeluarkan pelajar yang mahir dalam pelbagai bidang serta menyediakan tenaga kerja yang mantap. Selain itu, pendidikan TVET juga perlu diberi keutamaan. Kerajaan perlu memperkenalkan pendidikan teknikal, vokasional yang sejajar dengan kehendak ekonomi negara. Penggunaan bahasa Inggeris dan teknologi di peringkat sekolah perlu ditingkatkan untuk mengeluarkan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi yang mempunyai daya saing yang tinggi.

(Terima jawapan murid yang munasabah untuk Bahagian B dan Bahagian C)

Aras T Menganalisis [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Ujian Akhir Sesi Akademik

Skor /80

Bahagian A
[20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Antara yang berikut, faktor persekitaran fizikal yang manakah mempengaruhi kepelbagaian tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar?

I Iklim
II Saliran
III Habitat
IV Ekonomi

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2. Foto 1 menunjukkan hidupan liar di suatu kawasan.

Foto 1

Apakah faktor persekitaran fizikal yang sesuai untuk hidupan liar di atas?

A Kawasan bertanih aridisols
B Kawasan panas dan kering
C Kawasan bersaliran buruk
D Kawasan tanah tinggi

3. Peta 1 menunjukkan taburan tumbuhan semula jadi di Malaysia.

Peta 1 Malaysia

Kawasan pinggir laut yang terlindung dan muara sungai berlumpur.

Pernyataan di atas berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi tumbuhan semula jadi di kawasan bertanda

A I
B II
C III
D IV

4. Foto 2 menunjukkan hidupan liar di dunia.

Foto 2

Apakah jenis iklim yang dapat dikaitkan dengan hidupan liar tersebut?

A Iklim Monsun Tropika
B Iklim Gurun Panas
C Iklim Laurentia
D Iklim Siberia

5. Antara yang berikut, kombinasi yang manakah betul?

	Hutan	Tumbuhan semula jadi
A	Hutan Pantai	Pokok lenggadai
B	Hutan Hujan Tropika	Pokok mengkuang
C	Hutan Paya Air Masin	Pokok bakau api-api
D	Hutan Paya Air Tawar	Pokok cengal

6. Apakah jenis hutan yang terdapat di lokasi berikut?

- Pulau Sipadan
- Tanjung Rhu

A Hutan Monsun Tropika
B Hutan Paya Air Tawar
C Hutan Gunung
D Hutan Pantai

7. Bagaimanakah penerokaan hutan yang tidak terancang menyebabkan kepupusan flora dan fauna?

A Memusnahkan habitat
B Mengurangkan kadar hakisan
C Mengganggu kawasan tadahan
D Meningkatkan sumber makanan

8. Mengapakah kerajaan menjalankan pelbagai usaha memelihara dan memulihara hidupan liar di Malaysia?

A Daya tarikan pemburu
B Sumber pendapatan utama negara
C Sumber makanan penduduk tempatan
D Mengekalkan keseimbangan ekosistem

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

9. Di manakah letaknya pusat pemulihan orang utan di Malaysia?
A Rantau Abang, Terengganu
B Sungai Dusun, Selangor
C Kuala Gandah, Pahang
D Sepilok, Sabah

10 Apakah sumber tenaga alternatif yang sesuai dimajukan di Malaysia?
A Suria
B Angin
C Ombak
D Geoterma

11. Foto 3 menunjukkan tanaman di Malaysia.

Foto 3

Tanaman tersebut sesuai ditanam di kawasan bertanih
A pasir
B laterit
C gambut
D aluvium

12. Pasangan yang manakah betul tentang pengaruh teknologi terhadap kegiatan ekonomi?

	Teknologi	Kegiatan ekonomi
A	Jentera	Perkhidmatan
B	Robotik	Perlombongan
C	Gema bunyi	Perikanan
D	Pembiakan baka	Perindustrian

13. Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi.

- Kanopi pokok berbentuk kon
- Batang pokok lurus dan tinggi
- Daun bersaiz kecil dan halus

Maklumat tersebut dapat dikaitkan dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi di
A Gurun Panas
B Hutan Konifer
C Hutan Monsun Tropika
D Hutan Daun Luruh Sederhana

14. Bagaimanakah kerjasama ekonomi antarabangsa membantu dalam pembangunan sesebuah negara?
A Mengurangkan kos teknologi moden
B Meningkatkan harga barangan eksport
C Memudahkan kemasukan pelabur asing
D Menyukarkan kemasukan kepakaran asing

15. Antara yang berikut, yang manakah kepentingan pengurusan sumber hutan di Malaysia?
I Menambahkan modal
II Mengekalkan eksport negara
III Keperluan masyarakat setempat
IV Membekalkan sumber bahan mentah
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16. Mengapakah kehidupan masyarakat pribumi sangat bergantung kepada sumber hutan?
I Tapak pembinaan tempat kediaman
II Sumber bahan makanan
III Sumber peluang pekerjaan
IV Tempat perlindungan daripada ribut
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17. Pernyataan berikut merujuk kepada peranan sebuah agensi dalam pengurusan hutan di Malaysia.

> Mengekalkan integriti kawasan perlindungan bagi faedah penyelidikan, pendidikan, ekonomi, estetika, rekreasi dan fungsi ekologi.

Namakan agensi yang memainkan peranan seperti di atas.
A FRIM
B PERHILITAN
C SAM
D *TRAFFIC*

18. Bagaimanakah amalan kitar semula di bawah dilaksanakan di Malaysia?

Rajah 1

A Melibatkan pihak pengilang dan pemasaran
B Mengisi sampah dalam plastik yang berlogo sahaja
C Mengenakan bayaran RM0.20 kepada setiap pelanggan
D Kutipan sisa kitar semula dilaksanakan seminggu sekali

19. Antara yang berikut, amalan kitar semula yang manakah dilaksanakan di Jerman?
I Ordinan Pembungkusan
II Pemulihan Tenaga
III Program 4-Dalam-1
IV *Duales System Deutschland GmBH*
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

20. Bagaimanakah rakyat Malaysia dapat menjayakan program kitar semula yang dilaksanakan oleh kerajaan?
I Menggunakan botol air plastik
II Menggunakan beg beli-belah mesra alam
III Mengasingkan bahan sisa pepejal di punca
IV Menggunakan tisu untuk mengelap pinggan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.